



Ismail menyerahkan hasil kutipan daripada program USD kepada wakil IRM, Norelan.

## USIM Buskers bantu kumpul dana

**Putrajaya:** Sebanyak RM2,000 sumbangan derma berjaya dikumpulkan menerusi persembahan dakwah nyanyian jalanan atau 'busking' selama dua jam oleh kumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Buskers, di perkarangan pusat beli-belah Alamanda, di sini baru-baru ini.

Hasil kutipan sumbangan itu diserahkan oleh Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed, kepada wakil Islamic Relief Malaysia (IRM), Norelan Ismail bagi membiayai misi bantuan kemanusiaan badan bukan kerajaan itu.

Aktiviti mengumpul sumbangan menerusi kegiatan kesenian

itu antara inisiatif di bawah program USIM Street Dakwah (USD).

Program bermula jam 2 petang dengan gimik nyanyian yang dihentikan secara tiba-tiba bagi memberi laluan kepada persembahan pukulan gendang berkonsep samba oleh kumpulan Perkusirama.

Tamat sahaja persembahan perkusi itu, program diteruskan dengan bacaan doa secara bertarunum yang turut disertai pengunjung termasuk kanak-kanak.

### Unsur dakwah

Seterusnya, persembahan diteruskan dengan nyanyian beberapa lagu yang mempunyai unsur

dakwah dalam liriknya seperti Apokalips, Hati Emas, Mentera Semerah Padi, Nurisham, Si Udin Bertanya, Assalamualaikum, Kepada-Mu Kekasih, Tanya Sama Itu Hud-Hud, SolliAla Muhammad serta Kun Anta sebagai penutup.

Ismail berkata, program USD kali keenam itu mencapai anjakan paradigma apabila kerjasama dilaksanakan dengan IRM serta menggunakan pelbagai alat muzik dalam persembahan.

"USIM Buskers ternyata mempunyai keunikan tersendiri apabila lagu yang dipersembahkan mempunyai nilai dakwah yang tersendiri, di samping bijak mengu-



USIM Buskers sedang membuat persembahan.

nak ruang masa yang ada untuk menyelitkan slot bacaan doa, ayat suci al-Quran dan tazkiyah ringkas yang banyak berkait dengan al-Quran.

"Kerjasama dengan IRM ini dianggap penting kerana di samping memperkenalkan USIM

melalui penyampaian dakwah kontemporari kepada masyarakat, USIM juga berpeluang menyalurkan bantuan kemanusiaan dalam bentuk kewangan menerusi IRM sebagai wadah sumbangan dalam hal ehwal kebijakan sosial," katanya.